

BUTTERWORTH, 26 DIS. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENASIHATKAN PARA PEMIMPIN MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA SEBAGAIMANA YANG TELAH DIAMANAHKAN OLEH RAKYAT.

KATANYA, SEBAGAI PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT MEREKA HENDAK-LAH MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN BETUL DAN PENUH DEDIKASI.

PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TIDAK MENUNAIKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIDAK AKAN KEKAL DAN RAKYAT SENDIRI AKAN MENOLAK MEREKA APABILA SOKONGAN RAKYAT DIPERLUKAN UNTUK MENDAPAT MANDAT, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN TEMASYA PERKELOHAKAN ANJURAN UMNO BAHAGIAN MATA KUCHING DISINI HARI INI.

KATANYA, SETIAP PEMIMPIN PERLU MENYEDARI HAKIKAT TERSEBUT DAN PERLU SEDAR BAHAWA APA JUA JAWATAN YANG DISANDANG DALAM POLITIK TIDAK AKAN KEKAL JIKA MEREKA LUPA AKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR DENGAN SERIOUS BERKATA: +TIMBALAN PERDANA MENTERI SENDIRI PERLU MENJALANKAN TANGGUNGJAWABNYA TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA KERANA JIKA TIDAK RAKYAT TIDAK AKAN MEMILIHNYA SEMULA DAN IA TIDAK AKAN LAGI MENJADI PEMIMPIN+.

-- BERSAMBUNG 1635/SZ

EE

3548

MAHATHIR 2 BUTTERWORTH

SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK AKAN LARI DARI TANGGUNGJAWAB DAN AKAN MERUMPUNKAN MASA DAN PERHATIANNYA TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA.

MENYENTUH TENTANG BARISAN NASIONAL, BELIAU BERKATA PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA SENTIASA UJUD DALAM PARTI TERSEBUT.

MALAHAN, TAMBAHNYA, PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA ITU BUKAN SAHAJA UJUD ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN TETAPI MELIPUTI SEMUA KAUM YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

INI MERUPAKAN SATU PETANDA BAIK BAGI RAKYAT DAN NEGARA SEBAGAI-MANA DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN DALAM USAHANYA MENGUJUDKAN PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA. -- BERNAMA 1637/SZ